

Penjajahan British



1786: British menjajah Pulau Pinang

1819: British menjajah Singapura

1824: Perjanjian London dimeterai menyebabkan Belanda menyerahkan Melaka kepada British.

1826: Melaka, Pulau Pinang dan Singapura disatukan menjadi Negeri-negeri Selat.

1867: Negeri-Negeri Selat dipindahkan daripada penguasaan SHTI kepada penguasaan Pejabat Kolonial di London.

1873: Sir Andrew Clarke dihantar ke Singapura untuk menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat.

1874: SHTI dibubarkan. Dasar campur tangan British di negeri Melayu diperkenalkan bagi membolehkan British mencampuri urusan pentadbiran negeri Melayu menerusi Sistem Residen dan Penasihat British. Berlakunya kebangkitan menentang British oleh penduduk setempat.

1883: Eksploitasi British terhadap hasil bumi menyebabkan Tanah Melayu menjadi pengeluar terbesar bijih timah di dunia.

1885: Jalan kereta api dibina menghubungkan Port Weld (kini Kuala Sepetang) dengan Taiping bagi memudahkan pengeksportan timah.

1895: British menggabungkan Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan menjadi 'Negeri-negeri Melayu Bersekutu'.

1900: Tanah Melayu mengeluarkan 55 peratus timah dunia.

1904: Johor menjadi negeri Melayu terakhir yang terpaksa tunduk kepada tekanan untuk menerima Penasihat British.

1909: Perjanjian Bangkok dimeterai bagi membolehkan British menguasai negeri Melayu di Utara daripada Siam.

1941: Tentera Jepun mendarat di Kelantan dan Kedah dan menentang British bagi menjajah Tanah Melayu.

1945: Jepun berundur dari Tanah Melayu dan British kembali menjajah.

1946: British merancang menggabungkan negeri Melayu di bawah satu kerajaan baru digelar 'Malayan Union' tetapi ditentang penduduk.

1948: Persekutuan Tanah Melayu diisytihar bagi menggantikan Malayan Union. Komunis menyerang dan memberontak selama 14 hari. British mengisytiharkan darurat.

1956: Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengetuai 'Rombongan Kemerdekaan' ke London untuk berunding dengan Kerajaan British mengenai kemerdekaan Tanah Melayu.

1957: Negara mendapat kemerdekaan.